

Bil. S 31

**AKTA KANUN TANAH (STRATA)
(PENGAL 189)**

Peraturan-Peraturan Kanun Tanah (Strata) (Bayaran, Caj dan Sewa), 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 70 dari Akta Kanun Tanah (Strata), maka Menteri Pembangunan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kanun Tanah (Strata) (Bayaran, Caj dan Sewa), 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Akta Kanun Tanah (Strata).

Bayaran, caj dan sewa.

2. Bayaran, caj dan sewa yang masing-masing dinyatakan dalam Jadual-Jadual 1, 2 dan 3 adalah bayaran, caj dan sewa yang dikenakan kepada butiran-butiran yang masing-masing dinyatakan dalam Jadual-Jadual itu.

Jadual 1

BAYARAN PENTADBIRAN BAGI HAKMILIK STRATA

	Butiran	Peruntukan yang berkaitan dalam Akta Kanun Tanah (Strata)	Kadar (\$)
1.	Permohonan bagi pecah bahagi bangunan	Bab 16	Di bawah bayaran pengukuran bagi pecah bahagi bangunan – Lihat Jadual 2.
2.	Permohonan bagi pecah bahagi unit	Bab 16	Di bawah bayaran pengukuran bagi pecah bahagi bangunan – Lihat Jadual 2.

Jadual 1 — Sambungan

	Butiran	Peruntukan yang berkaitan dalam Akta Kanun Tanah (Strata)	Kadar (\$)
3.	Permohonan pengesahan plan strata, termasuk pengesahan perubahan	Bab-bab 9, 14, 51	\$20.00
4.	Permohonan lain yang tidak diperuntukkan selainnya		\$30.00
5.	Pendaftaran	Bab 21	\$10.00
6.	Pengeluaran hakmilik termasuk pengeluaran salinan	Bab 21	\$10.00 bagi setiap hakmilik yang dikeluarkan
7.	Permohonan untuk membatalkan pecah bahagi bangunan	Bab 57	\$10.00
8.	Urusniaga seperti pindah milik, rayuan, pertelingkahan dsb	Bab 10	\$10.00
9.	Borang permohonan bagi urusan hakmilik strata	Bab 10	\$2.00 setiap satu borang

Jadual 2**BAYARAN YANG DICADANGKAN BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN**

Jadual di bawah ini meliputi pecah bahagi bangunan bagi pengeluaran geran Hakmilik Strata di bawah Akta Kanun Tanah (Strata) Penggal 189. Bayaran yang dicadangkan hendaklah dikenakan seperti berikut:

1. Pengukuran tanah bagi pengesahan yang dikehendaki oleh bab 16 dari Akta Kanun Tanah (Strata) Penggal 189.
 - 1.1 Bayaran permulaan bagi setiap pengukuran \$500.00
 - 1.2 Bayaran bagi kawasan perimeter \$3.00 semeter
 - 1.3 Bayaran bagi setiap tanda yang dipasang dan diganti \$150.00 setiap tanda

2. Pecah Bahagi Bangunan Kepada Unit Utama atau Unit Aksesori.

Keluasan lantai unit utama atau unit aksesori	Kegunaan perumahan	Kegunaan lain
(a) 100 meter persegi atau kurang daripadanya	\$200.00 setiap unit	\$300.00 setiap unit
(b) Keluasan tambahan melebihi 100 meter persegi	\$2.50 satu meter persegi	\$3.50 satu meter persegi
(c) Mana-mana harta bersama yang perlu diukur untuk ditunjukkan dalam pelan	\$2.00 satu meter persegi	\$2.00 satu meter persegi

3. Pengukuran dan penyediaan semula pelan kerana pindaan kemudiannya yang dikehendaki oleh pemilik.

3.1 Bayaran permulaan \$500.00 tambah 50% dari kadar-kadar di bawah perenggan 2.

4. Blok Sementara

4.1 Pengiraan dan penyediaan pelan untuk memastikan bahawa blok sementara adalah di dalam sempadan lot.

\$300.00 satu blok

5. Penyediaan Pelan Geran Hakmilik Strata bagi Pendaftaran Geran Hakmilik \$10.00 setiap unit tambah 10% Caj Kerajaan.

Jadual 3

SEWA TAHUNAN BAGI HARTANAH STRATA

	Syarat Khas Geran Hakmilik	Sewa Tahunan
1.	Perumahan Am / Rumah Pangsa	\$10.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
2.	Perniagaan	\$25.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
3.	Perusahaan	\$20.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya

Jadual 3 — *Sambungan*

	Syarat Khas Geran Hakmilik	Sewa Tahunan
4.	Pejabat	\$20.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
5.	Stesen Minyak	\$25.00 bagi setiap 100 meter persegi atau sebahagian daripadanya
6.	Hotel	\$250.00 bagi setiap 1,000 meter persegi atau sebahagian daripadanya
7.	Rumah Penginapan	\$250.00 bagi setiap 1,000 meter persegi atau sebahagian daripadanya

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 9 haribulan Julai, 2009.

PEHIN ORANG KAYA HAMZAH PAHLAWAN
 DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDULLAH BIN
 BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI ABU BAKAR
 Menteri Pembangunan,
 Negara Brunei Darussalam.